Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

"Jangan guna kekayaan atau ketepikan Perlembagaan bila merebut jawatan dalam Parti," kata Dr M.

"JANGAN gunakan kekayaan untuk rebut jawatan UMNO — Mahathir", kata sebuah kepala di muka 12, Utusan Melayu hari ini, Mei 2, 1980.

Berita berikutan, yang berpunca dari Tetuk Anson melaporkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad mengingatkan ahli-ahli UMNO yang bertanding untuk sesuatu jawatan parti jangan gunakan wang dan kekayaan yang membawa kepada rasuah.

Katanya, calon-calon boleh berkempen atau membuat janji-janji yang menasabah bagi mendapatkan sokongan, tapi jangan berbuat sesuatu yang tidak dilainkan oleh Perlembagaan.

Bagi mereka yang kaya, tegasnya, jangan gunakan kekayaan hingga melanggarkan diri dengan cara-cara rasuah semata-mata untuk memancing undi dan mereka yang ada kuasa jangan gunakan kuasa untuk menyekat sesecorang. Meuruinya, cara-cara ini dilarang oleh parti sebab boleh membawa kepada perpecahan dalam UMNO "kerana yang penting bukan orang yang memimpin, tapi untuk menjadikan UMNO sebuah parti yang berdisiplin."

Beliau menyebut UMNO ingin mengekalkan kekuasaan bukan kerana tamak tapi yakin dengan kuasa yang ada dapat memberi kebahagiaan sebilangan besar rakyat berbilang kaum di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri lalu mengingatkan sesiapa juga yang melakukan perbuatan melemahkan perjuangan UMNO bercerti mereka mengkhianati perjuangan bangsa dan negara.

Beliau kemudianya menasihatkan orang-orang Melayu jangan masuk UMNO semata-mata kerana berkehendakan jawatan atau mahu jadi calon Pilihanraya, kerana semuanya itu akan datang secara bergolek atau mengikut keadaannya.

Apa yang penting tegas beliau, UMNO adalah gabungan tenaga orang-orang Melayu kerana menerusi UMNO sahaja mereka percaya dapat mewujudkan demokrasi yang adil dan memberi kebahagiaan rakyat.

* * *

Berita yang sama diberi liputan muka hadapan di Berita Harian di bawah kepala yang berlatarbelakangkan anak panah hitam yang berbunji: "Mahathir seru ahli-ahli UMNO memahami Perlembagaan". Kerana kata Dr. M. Apabila peraturan yang terdapat dalam Perlembagaan diketepikan, maka timbullah huruhara ahlibatnya yang boleh melemahkan parti dan perpecahan antara ahli yang akhirnya boleh menjelaskan negara.

* * *

Komen Penulis:

Amaran Dr. M. itu, selaku Timbalan Presiden Parti mengingat Timbalan Perdana Menteri, amatlah kena pada tempat dan masanya, menandangkan bahawa sekarang adalah musim persidangan Bahagian dan Cawangan UMNO (Tua dan Muda) untuk memilih Ketua masing-masing. Siapa yang terpilih mempunyai masa hadapan politik yang cemerlang dan siapa yang tersicir pula akan menghadapi masa hadapan yang kelabu jika tidakkan gelap....

Oleh itu tidakkah menghairankan jika sebilangan besar dari para peserta atau bakal para peserta dalam sesuatu pertandingan akan berlawan secara mati-matian, sehingga kadangkala, agaknya, akan tertiga peraturan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Parti dan rukun tatasusilia yang termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Mengapa penulis sebutkan tadi bahawa amaran Dr. M. itu amatlah kena pada tempatnya? Kerana pertama, jika peserta dari satu calon UMNO semata-mata berdasarkan kepada kekayaan, yakni, calon yang ada "chan" hanya terhad kepada mereka yang berkemampuan "menabur umpan", (sama ada berupa wang atau kemudahan kemudahan), maka ada kemungkinan (Tuhan simpangkan) bahawa pada satu hari nanti, UMNO akan dipimpin oleh tokoh-tokoh yang boleh dikatakan dari golongan "orang yang bukan-bukan," yang tampil ke hadapan atau diusung ke hadapan untuk "memimpin" parti dan rakyat bukan untuk kepentingan rakyat dan negara tapi untuk kepentingan saku dan perut sendiri!

Kedua, jika ahli-ahli (khususnya, calon-calon dalam sesuatu pertandingan di peringkat Bahagian atau Cawangan) mengenepikan peraturan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Parti dan dengan itu berpaduan semata-mata kepada emosi dan kepentingan peribadi dan keluarga, maka sudah jelaslah itu, penulis yakin dan percaya, akan membawa kepada "peristiwa-peristiwa" yang tidak dilingini, yang bukan sahaja akan memalukan Bahagian atau Cawangan yang terlibat, malah menjatuhkan maruah Parti pada keseluruhannya. Dalat Peristiwa-peristiwa yang tidak dilingini itu meliputtah sekali amalan yang berupa nilai "Big Walk", yakni perbuatan keluar beramai-ramai dari Dewan Mesyarat, seperti yang, khabarnya, telah berlaku di Parti Buntar, di Kuala Pilah dan di Petaling (Selangor). Dan slapa tahu, kalau tak kena gayanya akan timbul pula pula kepada "permainan" baling kerusi dan lontar batu?

Kebimbangan Dr. M. tadi lalah kerana UMNO adalah parti tunggal orang Melayu yang boleh diharapkan oleh orang Melayu untuk memperthankan kepentingan orang Melayu, sambil secara serentak pula (selaku tulang belakang Gabungan parti yang memerintah) lanya adalah jua diharapkan oleh orang-orang bukan Melayu untuk menjamin kepentingan penduduk-penduduk di negara ini yang bukan Melayu.

Oleh itu bila sebahagian besar dari orang Melayu ini lalah dengan kepercayaan terhadap UMNO, setelah lanya (Tuhan simpangkan) dikendalikan oleh pemimpin-pemimpin yang "kaya" dalam konteks kebendaan tapi "bankrap" dari segi kejujuran, yakni, "integrity"; ataupun bila sebilangan besar dari orang-orang Melayu (dan orang Melayu jua) mula mengangkat pemimpin-pemimpin UMNO sebagai "joker" atau "clown", — ke manakah mereka akan mencari peraling mendapatkan alternatif? Maksud, kalau sesebuah parti "featherweight" diangga korap atau dilebal orang sebagai parti "orang lawak" tidakkah mengapa, kerana rakyat mempunyai banyak alternatif, yakni, parti lain yang boleh mereka masuki. Tapi kalau UMNO sudah dilebal korap atau dianggap parti "orang lawak" kepada parti manakah rakyat, yang berfikiran rasional dan "moderate," akan bergantung untuk memimpin mereka dan mentadbirkan Negara. Kerana parti-parti yang lain, secara bersendirian, menilik kepada pengalaman mereka, bilangan ahli, pandangan sempit politik dan cara pemilikan pemimpin-pemimpin mereka, prestasi di masa yang lampau, tidak akan berkelayakan memainkan peranan sebagai parti pemerintah di negara ini — memerintah dalam konteks mentadbirkan negara dengan adil, bijak dan saksama, secara berpandukan kepada prinsip-prinsip demokrasi yang kita fahami dan hormati di hari ini.

Berikutan amaran Dr. M. tadi, maka adalah diharapkan semoga perbuatan yang berupa mini "Big Walk" dari Dewan-dewan mesyarat parti di peringkat Cawangan atau Bahagian tidak lagi akan berlaku di masa hadapan (Siapa yang minatkan "Big Walk" daftarkanlah diri, sama ada selaku individu atau kumpulan, dalam "Big Walk" yang sedang diatur oleh "Malay Mail" sekarang ini)!

Penulis akhiri komen ini dengan mengulangi apa yang pernah di dicatitkannya di halaman yang lain beberapa tahun yang lalu, dalam konteks kemalangan kereta api: "Sesuatu perlistiwa yang tidak dilingini jika berlaku sekali, lanya bolehlah dianggap sebagai "accident", yakni, kemalangan; kalau berlaku dua kali sebagai "coincidence", yakni, kebetulan; bila berlaku tiga kali sebagai "habit", yakni, kebiasaan; dan kalau berlaku empat kali, lanya telah menjadi "way of life", yakni, cara hidup....

☆ ☆ ☆

Ekor Ruangan;

Sebuah akhbar Kerajaan di Peking menuduh anak-anak Pegawai-pegawai Tinggi Parti Komunis China yang bertanggungjawab membocorkan rahsia negara kepada orang-orang asing dan juga kepada orang ramai.

Kata akhbar itu, orang-orang di negeri China atau di seberang laut yang mahu mendapatkan sesuatu rahsia mengenai Kerajaan atau Parti Komunis di negeri China akan menemui anak-anak Pegawai Tinggi Parti yang dianggap sumber maklumat.

(Dipetik dari sebuah akhbar luarnegeri, April 24, 1980 di bawah kepala "Secrets leak by kids").

* * *

Bercakap mengenai sabjek anak-anak, m'aka teringatlah penulis kepada sebuah berita yang dibacanya beberapa hari yang lalu di Utusan Melayu (April 25, 1980) yang ada kaitan dengan anak.

Berita berkenaan melaporkan bagaimana seorang pembaca di Amerika Syarikat telah mentoteng putus kemaluan anak lelakinya berusia 8 tahun dan membuangkannya ke dalam tandas kerana anaknya itu lewat pulang dari sekolah.

Penulis percaya sebahagian besar dari para pembaca (bukan kesemua, kerana maklum sajalah masih ada orang di sana dan di sini yang masih ganding-rung terhadap kegiatan bahagian anggota kepunyaan tubuh lain, termasuk kepala) akan mengutuk cara bapa di Amerika itu mendidikan anaknya, yakni dengan mengerat putus kemaluannya. Sebab — tindakan kesemua mereka itu berpendirian "anti-disiplin" terhadap anak-anak, tapi adalah kerana cara yang dilakukan oleh si bapa itu amatlah keterlaluan atau melampau! Itulah sebabnya mengapa penulis berulang kali menyuarakan di halaman ini perasaan takutnya terhadap orang-orang dari golongan pelampau, yang biasanya tidak mempunyai semangat perkemanusiaan.... Dan itulah jua sebabnya mengapa ulamak-ulamak kita (dari golongan "moderate"), yang bersyarah di R.T.M. tiap-tiap malam Jumaat, seringkali menekankan bahawa agama Islam jua adalah menggalakkan kesederhanaan ("moderation") dalam kesemua aspek dan kegiatan hidup pengusut-pengandunya.

☆ ☆ ☆